

SULIT
Bahasa Melayu
Ogos 2012
2 ¼ jam

1103/1



**BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH BERASRAMA PENUH
DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

**PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK SBP 2012
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA**

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan:

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab soalan **Bahagian A** dan **satu** soalan daripada **Bahagian B**.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas ini mengandungi **tiga** halaman bercetak

SULIT

2


1103/1

Bahagian A

[30 markah]

[Masa dicadangkan: 45 minit]

Lihat carta di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang **ciri-ciri remaja berwawasan**. Panjang huraian hendaklah antara **200 hingga 250 patah perkataan**.



(Dipetik dan diubah suai dari buku teks tingkatan 4 halaman 158)

1103/ 1

SULIT

SULIT

3

1103/1

Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 Jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

1. Melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi setelah menamatkan Sijil Pelajaran Malaysia menjadi idaman setiap remaja.

Jelaskan ciri-ciri pusat pengajian tinggi yang menjadi idaman anda.

2. Ibu bapa merupakan pendorong utama dalam membudayakan amalan membaca dalam kalangan anak..

Jelaskan usaha-usaha yang dilakukan ibu bapa bagi memastikan amalan membaca menjadi budaya dalam kalangan keluarga mereka.

3. Malaysia merupakan sebuah negara yang berpotensi untuk lebih maju dalam sektor pelancongan. Sehubungan dengan itu, anda ingin menulis rencana untuk disiarkan oleh akhbar tempatan. Tajuk rencana tersebut ialah “Usaha-usaha untuk Memajukan Pelancongan Negara.”

Tulis rencana itu selengkapnya.

4. Kerjasama yang erat antara negara jiran mendatangkan banyak faedah.

Jelaskan kebaikan yang diperoleh daripada kerjasama yang erat antara negara yang berjiran.

5. Anda berhasrat untuk menyertai pertandingan penulisan cerpen yang dianjurkan oleh sekolah anda. Tema cerpen yang anda pilih ialah perpaduan kaum.

Tulis cerpen anda itu selengkapnya.

KERTAS SOALAN TAMAT

1103/ 1

SULIT

SULIT
Bahasa Melayu
Ogos 2012
2 ¼ jam

1103/2



**BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH BERASRAMA PENUH
DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

**PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK SBP 2012
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA**

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan:

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas ini mengandungi **lapan** halaman bercetak

Soalan 1: Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang usaha-usaha untuk meningkatkan mutu perkhidmatan awam dan kesan-kesan usaha tersebut kepada negara. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Pelbagai transformasi dilaksanakan oleh kerajaan yang dipimpin oleh Datuk Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak demi meningkatkan kredibiliti perkhidmatan awam di negara ini. Perkhidmatan awam yang dianggotai kira-kira 1.2 juta orang kakitangan tidak terkecuali daripada terlibat dalam transformasi sejajar dengan tuntutan untuk menzahirkan aspirasi kerajaan. Semua penjawat awam perlu berganding bahu dan berazam untuk merealisasikan aspirasi kerajaan yang mengutamakan prestasi dan bertunjangkan keutamaan kepada rakyat.

Peranan penjawat awam amat signifikan dalam melaksanakan agenda negara. Teguran sering dibuat terhadap sikap negatif kakitangan awam yang kurang mesra di kaunter-kaunter apabila berurusan dengan pelanggan. Keadaan ini berlaku disebabkan sikap segelintir kakitangan awam yang tidak bertanggungjawab sehingga *mencalarkan nama baik* penjawat awam. Kakitangan awam perlu membudayakan kreativiti dan inovasi penjawat awam. Sementara itu, dalam usaha untuk memastikan setiap ringgit dan sen yang dibelanjakan mendapat pulangan nilai paling maksimum kepada kerajaan dan rakyat, amalan nilai untuk wang perlu dilaksanakan. Hal ini demikian kerana, kerajaan telah berbelanja berjuta-juta ringgit setiap tahun hanya untuk meningkatkan mutu perkhidmatan awam.

Yang paling perlu ialah kakitangan awam sendiri perlu melakukan anjakan paradigma untuk menghadapi cabaran pada masa depan. Pelbagai penyelesaian terbaik demi memartabatkan negara ke tahap yang lebih tinggi perlu dilaksanakan. Mereka hendaklah bersama-sama memberikan sepenuh komitmen dalam memperkuuh sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan. Mereka juga perlu meningkatkan nilai integriti ketika bertugas. Peningkatan tahap integriti ini amat selari dengan komitmen kerajaan yang mahu mewujudkan sebuah pentadbiran yang mendahulukan rakyat dan mengutamakan pencapaian.

Kakitangan awam juga digesa untuk memberikan perkhidmatan yang lebih menjurus kepada usaha mempermudah dan mempercepat urusan pelanggan tanpa kerenah birokrasi. Sering kali kedengaran rungutan daripada mulut kebanyakan orang tentang kelewatan penjawat awam melaksanakan tugas mereka apabila mereka berurusan di pejabat-pejabat kerajaan. Cara ini didapati berupaya membendung amalan rasuah dalam kalangan penjawat awam. Ada juga kakitangan awam yang tidak segan silu meminta bayaran jika orang ramai mahukan urusan mereka dibuat dengan segera.

Pembaharuan demi pembaharuan yang dilakukan mampu menutup ruang-ruang kosong demi meningkatkan mutu perkhidmatan awam di negara ini. Hasrat kerajaan untuk mempertingkatkan daya saing negara di persada antarabangsa bakal menjadi kenyataan tidak lama lagi. Semangat kerja secara berpasukan juga perlu diterapkan dalam setiap tugas yang dilaksanakan demi mencapai sasaran yang ditetapkan. Sesungguhnya setiap program yang dilaksanakan menjadi titik tolak yang melakar perubahan dalam sejarah perkhidmatan awam di negara ini.

(Dipetik dan diubah suai daripada “Transformasi Pekhidmatan Awam”,
oleh Abd. Kadir Mohd. Ayub,
dalam *Dewan Masyarakat*, Februari 2012)

Soalan 2: Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2(a) - Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *mencalarkan nama baik*.

[2 markah]

- (ii) Apakah rungutan orang ramai yang sering disuarakan terhadap mutu perkhidmatan awam di negara ini?

[3 markah]

- (iii) Pada pendapat anda, apakah bentuk ganjaran yang perlu diberikan kepada penjawat awam yang telah berkhidmat dengan cemerlang?

[4 markah]

Soalan 2(b)–Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Sekali ini, hati batu Kapten Mamat menjadi lembut benar. Dia tahan melihat mayat Baharum mati berdarah. Tetapi, tidak sanggup melihat janda dan dua orang anaknya yang tinggal. Wajah dan tangisan mereka merupakan suatu gambaran dunia yang penuh laknat.

Siapakah tidak terharu melihat anak yang baru kehilangan bapa bertanya mana bapanya? Siapakah yang tidak kasihan melihat isteri yang baru kehilangan suaminya? Menyaksikan anak dan isteri yang menanggung duka dan nestapa, suatu penyeksaan bagi Kapten Mamat, tetapi jika sudah berdepan, dipaksanya menahan segala kemungkinan. Sifatnya yang lemah itu diatasinya dengan gagah.

“Hari ini terlampau panas,” kata Kapten Mamat membuka mulut.

Isterinya segera menjawab.

“Ya, panas salah, sejuk salah.”

Masnah diam. Anak matanya pudar memberi suatu pengertian yang mengharukan. Percakapan yang baru lalu didengarinya dengan muka sugul. Rambutnya kusut dan semuanya membayangkan masa depan yang sangat gelap.

Anak yang menangis tadi didukung oleh anak gadis Kapten Mamat. Tetapi anak Masnah yang pandai bercakap, bertanya ibunya, “Emak! Oh, emak! Abah ada di sini emak?”

(Dipetik daripada cerpen ‘Penanggungan’ oleh Wijaya Mala
dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*
Dewan Bahasa dan Pustaka)

(i) Apakah dilema atau rasa serba salah yang dihadapi oleh Kapten Mamat?

[2 markah]

(ii) Sekiranya anda berhadapan dengan wanita seperti Masnah, apakah langkah-langkah yang boleh anda ambil untuk membantunya?

[3 markah]

(iii) Huraikan **satu** persoalan yang terdapat dalam petikan di atas dan **satu** persoalan yang lain daripada keseluruhan cerpen.

[4 markah]

Soalan 2(c) – Petikan Prosa Klasik

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Megat Iskandar dan Megat Kedah keduanya ialah kakanda kepada Sultan Maliku'l-Nasar di Rimba Jerun. Segala rakyat serta kedua raja itu kasih akan Merah Silu. Megat Iskandar menyuruh segala rakyat membawa beras seorang sekampit. Pada suatu hari, Megat Iskandar bermuafakat dengan orang besar-besar, orang tua-tua dan segala rakyat dalam negeri itu. Kata Megat Iskandar, “Hai segala tuan-tuan, apa fikiran kita akan Merah Silu ini? Pada bicara hamba baiklah kita jadikan dia raja kerana ia pun sedia raja, lagi ia hartawan. Dapat kita menumpang bersuka kepadanya.”

Antara mereka yang hadir itu seorang bernama Tun Aria Benong. Tun Aria Benong tiada mahu Merah Silu dijadikan raja. Ujarnya, “Jikalau ia kita jadikan raja, nescaya anak cucu kita diperintahnya.”

Megat Iskandar bermuafakat lagi dengan segala orang dan baginda tetap merajakan Merah Silu, lalu Merah Silu diangkat menjadi raja.

Setelah Merah Silu diangkat menjadi raja, datang Sultan Maliku'l-Nasar ke Rimba Jerun. Maka berperanglah Merah Silu dengan Sultan Maliku'l-Nasar. Sultan Maliku'l-Nasar berundur ke sebuah negeri bernama Benua lalu dia bertahan dan berbuat istana. Beberapa lama Sultan Maliku'l-Nasar duduk dalam negeri itu, pada suatu hari, datang Merah Silu memerangi Sultan Maliku'l-Nasar lalu Sultan Maliku'l-Nasar undur ke rimbanya. Merah Silu menamakan tempat itu Permata Terjun. Sultan Maliku'l-Nasar berundur lagi dan sampailah di suatu negeri; dan membuat istana di negeri itu.

(Dipetik daripada ‘Merah Silu’
Dalam antologi *Harga Remaja*,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berikan maksud *ia pun sedia raja*.

[2 markah]

- (ii) Apakah tindakan-tindakan yang dilakukan oleh Megat Iskandar sebelum mengangkat Merah Silu sebagai raja?

[3 markah]

- (iii) Sekiranya anda Merah Silu, apakah tindakan-tindakan yang akan diambil untuk menangani tentangan daripada pihak yang memusuhi anda?

[3 markah]

Soalan 2(d) -Petikan Puisi

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Kecek – (V)

1

seorang pengarah
membuka akaun semasanya
di sebuah bank ternama
tetapi dalam diam
dia mencantum kemiskinan
orang lain
ke dalam amanahnya
yang telah lama pecah.

2

di kampung
seorang petani
membuka akaun kemiskinannya
di ruang kedaifan
dan mengunci sedozen anak-anaknya
di dalam pagar sengsara
tetapi dia tidak pernah mencantum
kekayaan orang lain
ke dalam getirnya
yang sudah lama
berumbi.

3

di pantai
seorang nelayan
membuka akaun sengsaranya
di rahang laut ternganga
dan mengurung sederet anak-anaknya
di bawah pusaran nasib
tetapi dia tidak pernah mengumpul
kesenangan orang lain
ke dalam kegusarannya
yang telah sekian musim
berlumut
di papan hidupnya.

4

Tuhan tidak pernah mungkir
mencatatkan setiap angka
dan nilai hitungan paling kecil
ke dalam akaun-Nya
di rumah keadilan.

AWANG ABDULLAH

Antologi *Dirgahayu Bahasaku*, Dewan
Bahasa dan Pustaka

(i) Apakah persamaan antara golongan petani dengan golongan nelayan dalam sajak?

[2 markah]

(ii) Pada pendapat anda, mengapakah penyajak membandingkan keadaan ketiga-tiga
golongan dalam sajaknya?

[4 markah]

(iii) Nyatakan **tiga** pengajaran yang terdapat dalam sajak “Kecek (V)”.

[3 markah]

Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab **semua** soalan.

(a) Tulis **satu ayat** bagi setiap kata di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau kata nama khas.

- (i) lama
- (ii) berlama-lama
- (iii) lama-kelamaan
- (iv) jauh
- (v) menjauh
- (vi) kejauhan

[6 markah]

(b) Tulis semula petikan di bawah dalam bentuk cakap pindah. Anda dikehendaki mengekalkan susunan isi dalam petikan.

- Maria : Pukul berapa awak akan berangkat?
 Ahmad : Pukul 3 petang tetapi teksi yang akan menghantar saya ke lapangan terbang akan tiba sebentar lagi.
 Maria : Berhati-hati dalam perjalanan nanti. Pandai-pandailah jaga diri di tempat orang. Oh, ya! Pasport sudah bawa?
 Ahmad : Ada di dalam beg galas.

[6 markah]

(c) Dalam petikan di bawah terdapat **tiga kesalahan ejaan** dan **tiga kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.

Setelah jalan raya dinaiktaraf menjadi lebuh raya, pengguna dapat menikmati berbagai kemudahan sepanjang perjalanan. Bermula dari Bukit Kayu Hitam hingga Johor Bahru, pengguna dapat mempergunakan kemudahan yang disediakan di kawasan rehat dan rawat. Di kawasan rehat dan rawat ini, pengguna dapat beristirehat bagi menghilangkan rasa penat-lelah di samping menjamu selera di gerai makan yang mampu memenuhi cita rasa semua kaum.

[6 markah]

(d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Pembentang kertas kerja-kertas kerja perlu mengirimkan biografi ringkas mereka melalui e-mel.
- (ii) Oleh yang demikian, pihak berkuasa wajar bertindak keras terhadap orang yang mencuri air untuk memastikan masalah air dapat ditangani dengan segera.
- (iii) Pengambilan pekerja mengikut jantina di dalam perusahaan itu berdasarkan had yang ditetapkan oleh syarikat.

[6 markah]

- (e) Bina satu perenggan karangan yang menggunakan **tiga** daripada peribahasa yang disenaraikan.

Bagai lebah menghimpunkan madu
 Belakang parang kalau diasah lagikan tajam
 Genggam bara api biar sampai jadi arang
 Di mana ada kemahuan di situ ada jalan

[6 markah]

Soalan 4: Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) PAPA... (akhirnya kau tewas jual!) karya Deana Yusof
- (ii) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
- (iii) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd. Hanafiah
- (iv) Renyah karya Gunawan Mahmood
- (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
- (vi) Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah
- (vii) Kembara Amira karya Amer Hamzah L. Kadir
- (viii) Sutera Dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan

- (a) Dalam sesebuah novel, terdapat peristiwa-peristiwa yang menarik perhatian pembaca. Berdasarkan **sebuah** novel yang anda kaji, pilih **dua** peristiwa yang menarik dan nyatakan sebab peristiwa itu berjaya menarik perhatian anda.

[7 markah]

- (b) Berdasarkan dua buah novel yang anda kaji,uraikan **satu** latar masyarakat yang dipaparkan dalam setiap novel tersebut.

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

BAHAGIAN A : Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan
[30 markah]

KRITERIA PENSKORAN

| PERINGKAT | MARKAH | KRITERIA |
|-----------------------|--|--|
| CEMERLANG | 26-30 atas (28 – 30) bawah (26 – 27) | <ul style="list-style-type: none"> - Karangan menepati tema bahan rangsangan - Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat - Penggunaan tanda baca betul dan tepat/kosa kata luas dan tepat - Wacana lengkap - Unsur bahasa yang digunakan bervariasi - Menggunakan ungkapan yang menarik - Idea relevan dengan tema dan diuraikan dengan jelas dan matang |
| KEPUJIAN | 20-25 atas (23 – 25) bawah (20 – 22) | <ul style="list-style-type: none"> - Karangan menepati tema bahan rangsangan - Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat - Penggunaan tanda baca yang betul dan tepat/kosa kata luas - Wacana lengkap - Unsur bahasa yang digunakan bervariasi - Idea relevan dengan tema dan diuraikan dengan jelas |
| MEMUASKAN | 15-19 atas (17 – 19) bawah (15 – 16) | <ul style="list-style-type: none"> - Karangan masih menepati tema bahan rangsangan - Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat - Penggunaan tanda baca masih betul - Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru - Penggunaan kosa kata umum - Wacana masih lengkap. - Unsur bahasa yang digunakan masih bervariasi - Idea masih relevan dengan tema dan huraian idea masih jelas |
| KURANG MEMUASKAN | 10-14 atas (12 – 14) bawah (10 – 11) | <ul style="list-style-type: none"> - Karangan kurang menepati tema bahan rangsangan - Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat . - Kesalahan- kesalahan tatabahasa ketara. - Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. - Penggunaan kosa kata terhad - Wacana kurang lengkap Unsur bahasa yang digunakan kurang bervariasi - Idea kurang relevan dengan tema. Huraian kurang jelas |
| PENCAPAIAN MINIMUM | 01-09 atas (06 – 09) bawah (01 – 05) | <ul style="list-style-type: none"> - Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis - Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat - Idea tidak menepati tema bahan rangsangan |

*Ungkapan menarik : peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik,petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat al-Quran dan lain-lain

BAHAGIAN A

1. Diharapkan calon dapat menghuraikan isi-isi berkaitan dengan ciri-ciri remaja berwawasan berdasarkan isi yang diberi. Markah bonus(cemerlang atas) diberikan kepada calon-calon yang memberikan ungkapan menarik yang sesuai dengan perkara yang dibincangkan.
2. Kemungkinan : Tiada
3. Calon boleh menambah idea-idea lain yang tiada dalam bahan ransangan, tetapi dengan syarat mesti membincangkan idea-idea yang terdapat dalam bahan ransangan.
4. Calon yang tidak langsung menyentuh idea dalam bahan ransangan, tidak layak untuk kategori cemerlang, walaupun bahasa dan pengolahan baik.

BAHAGIAN B :

Soalan 1

- a. Format : Tiada
- b. Diharapkan : Calon dapat menghuraikan ciri-ciri pusat pengajian tinggi yang diidam-idamkan.
- c. Kemungkinan :
 - Calon hanya menghuraikan pusat pengajian tinggi secara umum sahaja sahaja - diterima, maksimum peringkat memuaskan.
 - Calon menghuraikan ciri istimewa beberapa pusat pengajian tinggi pada pandangannya - diterima

Cadangan Idea:

- universiti terkemuka / bertaraf dunia
- terletak di luar negara
- mempunyai bidang pengajian yang diminati
- sistem pengajian/pendidikan yang menarik
- prasarana terkini
- pensyarah hebat

Soalan 2

- a. Format : Tiada
- b. Diharapkan : Calon dapat menghuraikan usaha-usaha yang dilakukan ibu bapa bagi memastikan budaya membaca direalisasikan.
- c. Kemungkinan : Calon hanya memfokuskan kepada peranan ayah **atau** ibu sahaja **diterima. Maksimum Peringkat Baik.**

Cadangan Idea:

- i. Ibu bapa menunjukkan teladan kepada anak-anak – ibu bapa perlu membaca ketika senggang

- ii. Ibu bapa membelikan anak-anak buku bacaan yang dapat mencetuskan minat membaca anak-anak
- iii. Ibu bapa menyediakan prasarana yang kondusif di rumah untuk anak-anak membaca seperti perpustakaan mini.
- iv. Ibu bapa membawa anak-anak ke perpustakaan, pameran buku, dan lain-lain

Soalan 3

- a. Format : Rencana
Tolak markah jika tiada
Tajuk rencana: - 1 markah
Penulis rencana: - 1 markah
- b. Diharapkan : Calon dapat menulis karangan yang berkaitan dengan usaha-usaha untuk memajukan pelancongan negara. (Usaha mana-mana pihak)

Cadangan Idea:

- i. Orang ramai memajukan inap desa dan produk pelancongan yang lain seperti kraf tangan
- ii. Menjadikan bidang seni dan budaya sebagai produk pelancongan
- iii. Mengadakan promosi Cuti-cut Malaysia
- iv. Kerjasama agensi pelancongan dengan syarikat penerbangan untuk menawarkan pakej pelancongan yang menarik
- v. menaik taraf pusat pelancongan
- vi. memelihara, memulihara dan menaik taraf tempat pelancongan sedia ada
- vii. membuka pusat pelancongan baru

Soalan 4

- a. Format : Tiada
- b. Diharapkan : Calon dapat menghuraikan kebaikan yang diperoleh daripada kerjasama yang erat antara negara yang berjiran.(Contoh kerjasama dari segi politik, sosial, ekonomi dll)
- c. Kemungkinan : Calon hanya membincangkan kebaikan yang diperoleh daripada kerjasama erat antara satu atau dua negara sahaja – **diterima. Maksimum Peringkat Kepujian.**

Cadangan Idea:

- i. kerjasama bidang ekonomi
- ii. kerjasama bidang politik
- iii. kerjasama bidang pendidikan
- iv. kerjasama bidang seni dan budaya
- v. kerjasama bidang kesihatan
- vi. kerjasama bidang keselamatan sempadan negara

Soalan 5

a. Format : Cerpen (bagi pertandingan)

Tolak markah jika tiada :

- a) Tajuk cerpen. – 1 markah
- b) Penulis cerpen. – 1 markah

b. Calon diharapkan dapat menulis cerpen yang bertemakan Perpaduan Kaum.

c. Kemungkinan – Cerita tentang perpaduan kaum ada tetapi tidak menonjol dalam keseluruhan cerpen-, diterima maksimum peringkat kepujian.

BAHAGIAN B**KRITERIA PENSKORAN**

| PERINGKAT | MARKAH | KRITERIA |
|------------------|------------------------------------|---|
| CEMERLANG | 80 - 90 (90 – 100) (80 – 89) | <ul style="list-style-type: none"> - Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat - Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis - Ejaan dan tanda baca betul - Laras bahasa sesuai dengan tugasan - Penggunaan kosa kata luas dan tepat - Idea relevan mengikut tugasan, diuraikan dengan jelas dan matang disertakan dengan contoh yang sesuai - Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerengganan sesuai - Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan - Penggunaan unsur bahasa bervariasi - Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa |
| KEPUJIAN | 66 - 79 (73 – 79) (66 – 72) | <ul style="list-style-type: none"> - Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat - Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis tetapi terdapat kesalahan minimum - Ejaan dan tanda baca betul - Penggunaan kosa kata luas dan tepat - Laras bahasa sesuai dengan tugasan - Idea relevan mengikut tugasan, diuraikan dengan jelas dan disertakan contoh yang sesuai - Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerengganan sesuai - Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan - Penggunaan unsur bahasa bervariasi - Gaya bahasa masih menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. |

| | | |
|--------------------|-----------|--|
| BAIK | 51 - 65 | <ul style="list-style-type: none"> - Penggunaan pelbagai jenis kata yang sesuai - Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis tetapi terdapat kesalahan minimum - Ejaan dan tanda baca masih betul - Laras bahasa sesuai dengan tugasan - Penggunaan kosa kata umum - Idea masih relevan mengikut tugasan, huraian isi masih jelas dan contoh masih sesuai - Pengolahan masih menarik dan perenggan masih sesuai - Wacana masih lengkap - Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi - Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan |
| | (58 – 65) | |
| | (51 – 57) | |
| MEMUASKAN | 36 - 50 | <ul style="list-style-type: none"> - Penggunaan pelbagai jenis kata terhad - Ayat kurang gramatis - Ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum - Penggunaan kosa kata umum dan terhad - Laras bahasa kurang sesuai dengan tugasan - Idea masih relevan mengikut tugasan, huraian isi kurang jelas dan contoh kurang sesuai - Pengolahan kurang menarik, pemerenggan kurang sesuai - Wacana masih/kurang lengkap - Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi - Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan |
| | (43 – 50) | |
| | (36 – 42) | |
| KURANG MEMUASKAN | 21 - 35 | <ul style="list-style-type: none"> - Penggunaan kata kurang tepat - Ayat tidak gramatis tetapi masih difahami - Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara - Idea masih relevan/bercampur aduk dan huraian tidak jelas/tidak berkembang dan contoh tidak sesuai - Pengolahan tidak menarik - Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang - Unsur bahasa tidak bervariasi - Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah |
| | (28 – 35) | |
| | (21 – 27) | |
| PENCAPAIAN MINIMUM | 01 - 20 | <ul style="list-style-type: none"> - Keseluruhan menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis - Kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara - Idea bercampur aduk,dan huraian tidak jelas/ tidak berkembang dancontoh tidak sesuai - Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai - Pengolahan tidak menarik -- Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah serta tidak menarik - Keseluruhan karangan sukar/tidak difahami |
| | (11 – 20) | |
| | (01 – 10) | |

Panduan Penandaan : Bahagian B

1. Beri markah keseluruhan
2. Tolak ejaan (maksimum 3 markah)
3. Tolak format - jika ada (maksimum 2 markah)
4. Markah bersih

Contoh :

K = 80

-E = 3

-F = 2

75 – markah bersih

Perhatian : Bahagian A – tiada potongan markah untuk ejaan. Beri markah keseluruhan sahaja. Contoh : K = 20

Bahagian B: Karangan Respons Terbuka

[100 markah]

PERINCIAN PERMARKAHAN

Cara Pemeriksaan

1. Pemeriksaan dijalankan secara **holistik** berpandukan peringkat dan kriteria yang ditetapkan.
2. Jika karangan:
 - a. **Kurang daripada 350 perkataan**, periksa seperti biasa.
 - b. Terlalu panjang – periksa seperti biasa hingga ke akhir karangan.
3. Kesalahan format hendaklah **ditolak maksimum 2 markah**.
4. **Kesalahan ejaan hendaklah ditolak $\frac{1}{2}$ markah** dan pemotongan maksimum ialah **sebanyak 3 markah**. Tiada pemotongan markah bagi kesalahan ejaan yang berulang.
5. Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca:

| | | |
|-------|---|--|
| () | = | Kesalahan isi |
| _____ | = | Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan |
| / | = | Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas) |
| // | = | Kesalahan ejaan yang berulang |
| ○ | = | Kesalahan tanda baca |

KRITERIA

| KRITERIA | DESKRIPSI |
|--------------------------------|--|
| 1. BAHASA (Mekanis) | <ul style="list-style-type: none"> • Kegramatisan <ul style="list-style-type: none"> - kata(morfologi) - ayat(sintaksis) |

| | |
|-------------------------------|---|
| | <ul style="list-style-type: none"> • Tanda baca • Ejaan |
| 2. LARAS (Dinamis) | <ul style="list-style-type: none"> • Pemilihan kosa kata |
| 3. IDEA (ISI) | <ul style="list-style-type: none"> • Tema • Isi utama • Pengembangan(huraian/bahasa/hujahan/contoh) • Kerelevanan |
| 4. PENGOLAHAN | <ul style="list-style-type: none"> • Wacana • Logik • Pemerengganan • Format |
| 5. GAYA BAHASA | <ul style="list-style-type: none"> • Keindahan bahasa • Ungkapan • Peribahasa |

SKEMA BAHASA MELAYU KERTAS 2(SET 1) | 2012

PERATURAN PEMARKAHAN KERTAS 2

Markah penuh Kertas Dua ialah 110 markah

Soalan 1 (Rumusan)

Markah penuh **30** dibahagikan kepada:

| | | | |
|------------|--------|---|-----------|
| (a) | Isi | - | 20 markah |
| (b) | Bahasa | - | 10 markah |

Nota :

(i) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan

- nama khas
- perkataan berulang
- penggunaan kata depan *di* dan *ke*
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran

(ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120** perkataan sahaja sebelum diperiksa.

(iii) Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.

(iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

| Bahagian | Markah | | | | | | | | | | Markah |
|---------------------------|---------------|----|----|---|---|---|----|----|----|--|--------|
| (i) Pendahuluan | | | | | | | | | | | 2 |
| (ii) Isi Tersurat | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 | 11 | 12 | | 16 |
| (iii) Isi Tersirat | 12 | 11 | 10 | 9 | 8 | 7 | 6 | 5 | 4 | | |
| (iv) Penutup / Kesimpulan | | | | | | | | | | | 2 |
| | Jumlah Markah | | | | | | | | | | 20 |

Pendahuluan

Petikan membincangkan **langkah-langkah/ cara-cara/ tindakan-tindakan** untuk meningkatkan mutu perkhidmatan awam **di negara ini / di Malaysia**. (2m)

Petikan membincangkan **langkah-langkah/ cara-cara/ tindakan-tindakan** untuk meningkatkan mutu perkhidmatan awam. (1m)

Petikan membincangkan **usaha-usaha** untuk meningkatkan mutu perkhidmatan awam. (0m)

SKEMA BAHASA MELAYU KERTAS 2(SET 1) | 2012

Isi Tersurat (Cara-cara untuk meningkatkan mutu perkhidmatan awam)

1. Pelbagai transformasi dilaksanakan oleh kerajaan. (2m)
2. Semua penjawat awam perlu berganding bahu dan berazam untuk merealisasikan aspirasi kerajaan yang mengutamakan prestasi dan bertunjangkan keutamaan kepada rakyat / Kakitangan awam hendaklah bersama-sama memenuhi janji dan memberikan sepenuh komitmen dalam memperkuuh sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan. (2m)
3. Kakitangan awam perlu membudayakan kreativiti dan inovasi penjawat awam. (2m)
4. Amalan nilai untuk wang perlu dilaksanakan. (2m)
5. Kerajaan membelanjakan berjuta-juta ringgit setiap tahun (2m)
6. Kakitangan awam perlu melakukan anjakan paradigma (2m)
7. Penjawat awam perlu meningkatkan nilai integriti (2m)

Jika : Mereka perlu meningkatkan integriti... 0m

8. Kakitangan awam juga digesa untuk memberikan perkhidmatan yang lebih menjurus kepada usaha mempermudah dan mempercepat urusan pelanggan tanpa kerentak birokrasi. (2m)
9. Semangat kerja secara berpasukan juga perlu diterapkan dalam setiap tugas yang dilaksanakan. (2m)

Isi Tersirat (Kesan-kesan kepada negara)

1. Meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara. (2m)
2. Mengurangkan kos pengurusan dan perbelanjaan kerajaan. (2m)
3. Meningkatkan tahap keselamatan dan keamanan dalam negara/keadaan politik dalam negara stabil dan kukuh (2m)
4. Memberikan perkhidmatan bertaraf dunia/meningkatkan imej negara di mata dunia (2m)
5. Masalah sosial dalam negara berkurangan. (2m)

- Meningkatkan mutu perkhidmatan awam – 0m

(Terima jawapan lain yang sesuai)

Kesimpulan

Kesimpulannya, mutu perkhidmatan awam di negara ini **hendaklah** ditingkatkan **demi** menjana pembangunan negara. (2m)

Kesimpulannya, semua pihak **perlu** membantu penjawat awam untuk meningkatkan mutu perkhidmatan **agar** aspirasi negara dapat dicapai. (2m)

Kesimpulannya, mutu perkhidmatan awam perlu ditingkatkan. (1m)

SKEMA BAHASA MELAYU KERTAS 2(SET 1) | 2012

Soalan 2

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 2(a) : **9** markah

Soalan 2(b) : **9** markah

Soalan 2(c) : **8** markah

Soalan 2(d) : **9** markah

Perhatian bagi soalan 2(a) hingga Soalan (2d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/sempurna.
3. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah:

| DESKRIPSI | MARKAH |
|--|----------|
| - Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup dan ayat gramatis | 2 |
| - Jawapan kurang tepat/isi tidak cukup | 1 |
| - Jawapan tidak tepat/ salah | 0 |

2. Soalan 3 markah:

| DESKRIPSI | MARKAH |
|---|----------|
| - Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugasan dan ayat gramatis | 3 |
| - Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis | 2 |
| - Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat gramatis | |
| - Isi kurang lengkap dan ayat kurang gramatis | 1 |
| - Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugasan tetapi ayat gramatis | 0 |

3. Soalan 4 markah

| DESKRIPSI | MARKAH |
|---|----------|
| - Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugasan dan ayat gramatis | 4 |
| - Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis | 3 |
| - Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis | 2 |
| - Isi kurang lengkap/kurang relevan dan ayat kurang gramatis | 1 |
| - Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugasan tetapi ayat gramatis | 0 |

SKEMA BAHASA MELAYU KERTAS 2(SET 1) | 2012

2(a) Pemahaman Umum (Petikan Rumusan)

(i) Maksud rangkai kata *mencalarkan nama baik*:

- merosakkan reputasi / imej/keperibadian/maruah - 2m
- memusnahkan ... – 0m

(ii) Rungutan orang ramai yang sering disuarakan terhadap mutu perkhidmatan awam di negara ini:

- Kelewatan penjawat awam melaksanakan tugas mereka apabila mereka berurusan di pejabat-pejabat kerajaan
- Sikap negatif kakitangan awam di kaunter-kaunter yang kurang mesra apabila berurusan dengan pelanggan
- Ada juga yang mengenakan bayaran jika orang ramai mahukan urusan mereka dibuat dengan segera.

(iii) Bentuk ganjaran yang perlu diberikan kepada penjawat awam yang telah berkhidmat dengan cemerlang:

- Menawarkan kenaikan gaji yang setimpal / hadiah yang lumayan
- Memberikan anugerah kepada pekerja contoh
- Menawarkan pakej pelancongan / pakej haji atau umrah
- Memberikan kenaikan pangkat dengan tapisan yang lebih mudah

(Terima mana-mana jawapan lain yang sesuai)

2(b) Pemahaman Cerpen

(i) Dilema Kapten Mamat:

Dia tahan melihat kematian Baharom **tetapi** dia tidak sanggup melihat isteri yang kematian suami dan anak-anak yang kehilangan bapa - 2m

Jika jawapan sebahagian sahaja iaitu “dia tidak sanggup meilhat isteri kematian suami” – 0m Jawapan bagi dilema mesti mengandungi kedua-dua bahagian.

(ii) Sekiranya saya berhadapan dengan wanita seperti Masnah, langkah-langkah yang boleh saya ambil untuk membantunya:

1. Memberikan motivasi kepada mereka
2. Mendedahkan mereka kepada kursus atau program yang boleh membantu mereka menjana ekonomi keluarga.
3. Membantu mereka mendaftarkan diri dengan persatuan ibu tunggal

SKEMA BAHASA MELAYU KERTAS 2(SET 1) | 2012

(Terima mana-mana jawapan lain yang sesuai)

- (iii) **Satu** persoalan yang terdapat dalam petikan:

Penderitaan ibu tunggal yang kematian suaminya, contohnya, Masnah yang terpaksa mengharung kehidupan dengan dua orang anaknya selepas suaminya Baharum meninggal dunia.

Keprihatinan pegawai atasan dan ahli keluarganya terhadap nasib yang menimpa keluarga Allahyarham Baharom, contohnya anak Kapten Mamat mendukung anak Masnah yang menangis.

Satu persoalan yang terdapat dalam keseluruhan cerpen:

Simpati seorang wanita nasib wanita yang lain, contohnya, isteri Kapten Mamat bersungguh-sungguh meminta suaminya Kapten Mamat membantu Masnah dan anak-anaknya/Isteri Kapten Mamat memiciti-micit kepala Masnah.

(Terima mana-mana jawapan lain yang sesuai)

2(c)

- (i) Maksudnya: dia memang keturunan diraja

- (ii) Tindakan-tindakan yang dilakukan oleh Megat Iskandar sebelum mengangkat Merah Silu sebagai raja:

1. Memanggil rakyat ke istana membawa beras sekampit seorang
2. Bermuafakat dengan orang tua-tua, orang besar-besar dan rakyat jelata
3. Mencadangkan Merah Silu sebagai raja tetapi dibantah oleh Tun Aria Benong
4. Bermuafakat lagi dengan segala orang.
5. Melantik Merah Silu menjadi raja.

- (iii) Sekiranya saya Merah Silu, tindakan-tindakan yang akan diambil untuk menangani tentangan daripada pihak yang memusuhi:

1. Membuat perjanjian damai
2. mencari punca permusuhan dan mengatasinya
3. Menunjukkan ciri-ciri kepimpinan yang baik dan mulia
4. Sentiasa berdamping dengan kedua-dua adik beradik dan rakyat jelata
5. memperkuat pertahanan negara

(Terima mana-mana jawapan lain yang sesuai)

2(d)

SKEMA BAHASA MELAYU KERTAS 2(SET 1) | 2012

- (i) Persamaan antara golongan petani dengan golongan nelayan dalam sajak:
- kedua-duanya mempunyai anak yang ramai
 - kedua-duanya miskin
 - kedua-duanya tidak menyusahkan orang lain
- (ii) Pada pendapat saya, penyajak membandingkan keadaan ketiga-tiga golongan dalam sajaknya kerana dia mahu:
- mendedahkan keunikan keadaan hidup ketiga-tiga golongan
 - menimbulkan kesedaran atas nasib golongan petani dan nelayan
 - menimbulkan rasa syukur atas kurniaan Tuhan
- (Terima mana-mana jawapan lain yang sesuai)
- (iii) **Tiga** pengajaran dalam sajak ialah:
- Kita hendaklah amanah semasa menjalankan tugas.
 - Kita hendaklah menjadi seorang bapa yang bertanggungjawab mencari rezeki yang halal.
 - Kita perlu mengelakkan diri daripada mencari kekayaan dengan menindas orang lain.
 - Kita hendaklah taat kepada perintah Tuhan
 - Kita hendaklah berusaha untuk meningkatkan taraf hidup
- (Terima mana-mana jawapan lain yang sesuai)

Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**Markah penuh 30 markah dibahagikan kepada:**

- Soalan 3(a) : **6** markah
 Soalan 3(b) : **6** markah
 Soalan 3(c) : **6** markah
 Soalan 3(d) : **6** markah
 Soalan 3(e) : **6** markah

Perhatian bagi soalan 3(a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi kesalahan ejaan/ jalan bahasa/ tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Sengaja menambah atau menukar imbuhan, berikan 0 markah
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi setiapayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.

SKEMA BAHASA MELAYU KERTAS 2(SET 1) | 2012

8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas, tolak $\frac{1}{2}$ markah pada ayat tersebut.

Soalan 3(a)

lama

1. panjang masanya (membuat sesuatu dll), lwn sekejap: 2. telah wujud (ada, terlibat, dsb) dlm jangka masa yg agak panjang: sebuah 3. tidak moden lagi, ketinggalan zaman: 4. wujud pd zaman sebelum ini atau zaman dahulu, kuno, tua: 5. wujud sejak dahulu lagi: 6. yg digunakan dsb sebelum mendapat yg baru: 7. berlaku pd masa yg sudah-sudah:

berlama-lama

1. lama (berbuat sesuatu dll), lambat, tidak cepat: 2. lama-kelamaan, lambat-laun;

lama-kelamaan

lambat-laun, akhir-akhirnya: ~ berlakulah perubahan secara beransur-ansur.

jauh

1. besar jaraknya, tidak dekat 2. tempat yg besar jaraknya (dr tempat tertentu), tempat yg tidak dekat 3. jarak, antara: 4. amat sangat, terlampau sangat: amat sangat tidak; sangat tidak mencukupi;

menjauh

(semakin) menjadi jauh, menghindar (agar jauh);

kejauhan

1.jauhan tempat (jarak) yg jauh: ombak memecah di ~ dan angin riuh menyapu puncak gunung; 2.terlalu jauh.

Soalan 3(b) Menukar cakap ajuk kepada cakap pindah

Maria bertanyakan waktu Ahmad akan berangkat.

Ahmad memaklumkan bahawa dia akan berangkat pada jam 3 petang tetapi teksi yang akan menghantarnya ke lapangan terbang akan tiba tidak lama lagi.

Maria menasihati Ahmad agar berhati-hati dalam perjalanan.

Dia juga berpesan agar Ahmad pandai menjaga diri di tempat orang.

Dia tiba-tiba teringat akan sesuatu lantas bertanya sama ada pasport sudah dibawa oleh Ahmad.

Ahmad mengatakan bahawa pasportnya ada di dalam beg galas.

Soalan 3(c)

Setelah jalan raya **dinaik taraf** menjadi lebuh raya pengguna dapat menikmati **pelbagai** kemudahan sepanjang perjalanan. Bermula dari Bukit Kayu Hitam hingga Johor Bahru, pengguna dapat **menggunakan** kemudahan yang disediakan di kawasan rehat dan rawat. Di kawasan rehat dan rawat

SKEMA BAHASA MELAYU KERTAS 2(SET 1) | 2012

ini, pengguna dapat **beristirahat** bagi menghilangkan rasa **penat lelah** di samping menjamu selera di gerai makan yang mampu **memenuhi** cita rasa semua kaum.

Soalan 3(d)

Kertas kerja-kertas kerja → kertas-kertas kerja

Biografi → biodata

Oleh yang demikian → Oleh hal yang demikian

Keras → tegas

Di dalam → dalam

Had → kuota

Soalan 3(e)**Semua peribahasa berkait dengan daya usaha; kerajinan; kesungguhan**

Bagai lebah menghimpunkan madu – sangat rajin

Belakang parang kalau diasah lagikan tajam – orang yang lemah atau kurang cerdik, jika berusaha akan berjaya juga akhirnya

Genggam bara api biar sampai jadi arang – melakukan sesuatu biar sampai berhasil

Di mana ada kemahan di situ ada jalan – Jika seseorang itu bercita-cita, dia akan berusaha untuk mencapainya.

Panduan:

- Jika calon berjaya menggunakan mana-mana tiga peribahasa dengan tepat – 6m
- Jika calon berjaya menggunakan kesemua peribahasa dengan tepat – 6m
- Jika calon menggunakan kesemua peribahasa tetapi hanya satu/dua yang tepat - 2m atau 4m

Panduan pemarkahan bagi Soalan 4**4(a)**

- i) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari
- ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- iii) Beri 2 markah bagi setiap peristiwa dan huraian
- iv) Beri 1 markah bagi peristiwa tanpa huraian
- v) Beri 0 markah bagi huraian tanpa peristiwa
- vi) Markah isi maksimum 4 markah
- vii) Markah bahasa maksimum 3 markah
- viii) Markah bahasa diberi secara *impression*

Baik : 3 markah

SKEMA BAHASA MELAYU KERTAS 2(SET 1) | 2012

Sederhana : 2 markah

Lemah : 1 markah

- ix) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa
 x) Jika calon tidak menjawab, beri 0 markah

[Maksimum : 7 markah]**(a) Peristiwa-peristiwa menarik dalam sebuah novel**

| Peristiwa Menarik (1m) | Huraian (1m) |
|--|---|
| <p>(i) <u>Papa (akhirnya kau tewas jua!)</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Intan Maliana telah mengandung anak kedua. Hal ini membimbangkan orang-orang yang rapat dengan ibunya kerana ibunya pernah mengalami komplikasi. - Peristiwa Intan Maliana koma selepas melahirkan anak kembarnya akibat komplikasi yang dihadapinya. - Peristiwa Intan Maliana tersedar seketika daripada koma. | <ul style="list-style-type: none"> - Peristiwa ini mendorong pembaca untuk meneruskan pembacaan untuk mengetahui perkara seterusnya yang akan berlaku kepada Intan Maliana. - Peristiwa ini menunjukkan ketabahan diri papa mengharungi cabaran untuk menjaga mama yang koma. - Peristiwa ini telah menceriakan Jeffri, Mak Cik Noraini dan Intan Julia walaupun Intan Maliana hanya sedar seketika. |
| <p>(ii) <u>Melunas Rindu</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Peristiwa Fuad mendapat tahu bahawa ibu Farhana ialah ibu kandungnya. | <ul style="list-style-type: none"> - Peristiwa ini menyebabkan Fuad secara tidak sengaja menemui ibu kandungnya setelah puas mencarinya di merata-rata tempat. |

SKEMA BAHASA MELAYU KERTAS 2(SET 1) | 2012

| | | |
|---------------------------------|---|---|
| | <ul style="list-style-type: none"> - Peristiwa Fuad menguruskan dan menanggung perbelanjaan perkahwinan Borhan dengan Maznah. / Fuad membawa dan membayar kos perubatan anak Borhan. | <ul style="list-style-type: none"> - Peristiwa ini menunjukkan kesungguhan Fuad untuk membantu orang yang dalam kesusahan dan tindakannya ini meredakan kemarahan orang kampung terhadapnya. |
| (iii) <u>Azfa Hanani</u> | <ul style="list-style-type: none"> - Peristiwa Azfa Hanani ditawarkan oleh Abang Mazran dan Kak Finaz untuk menyamar sebagai Tengku Murni. <ul style="list-style-type: none"> - Peristiwa Datin Maziah menghalau Azfa Hanani dari rumahnya selepas identitinya terbongkar. | <ul style="list-style-type: none"> - Peristiwa ini menarik kerana Azfa Hanani tidak perlu risau memikirkan kesusahan yang dialaminya untuk belajar di samping upah yang diterimanya dapat membantu anak pak longnya yang lumpuh. <ul style="list-style-type: none"> - Peristiwa ini membongkar kisah lalu yang mengaitkan Datin Maziah dengan Azfa Hanani , malahan Azfa Hanani telah dipelawa tinggal di rumah Datin Maziah sebagai dirinya yang sebenar. |
| (iv) <u>Renyah</u> | <ul style="list-style-type: none"> - Peristiwa Datuk Dolhi ingin memberitahu Wahi bahawa dia ialah anak kandungnya. <ul style="list-style-type: none"> - Peristiwa Datuk Dolhi menyampaikan ceramah kepada usahawan muda di Institut Perdagangan Kebangsaan. | <ul style="list-style-type: none"> - Peristiwa ini menarik kerana Wahi tidak terkejut kerana dia telah pun mendapat tahu tentang perkara ini daripada neneknya. <ul style="list-style-type: none"> - Peristiwa ini menunjukkan bahawa walaupun Datuk Dolhi sudah bergelar sebagai usahawan yang berjaya, beliau bersedia untuk meluangkan masa berkongsi ilmu yang ada untuk memberikan panduan kepada orang lain. |

SKEMA BAHASA MELAYU KERTAS 2(SET 1) | 2012

| | |
|--|---|
| <p>(v) <u>Konserto Terakhir</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Peristiwa Hilmi curi-curi untuk bermain piano kepunyaan Hayati. - Peristiwa Hilmi tidak muncul-muncul semasa malam persembahan Orkes Perdana di Dewan Tuanku Canselor. | <ul style="list-style-type: none"> - Peristiwa ini memperlihatkan bahawa Hilmi memang seorang yang berbakat dalam bidang muzik kerana dia boleh bermain piano dengan baik meskipun dia tidak pernah belajar muzik. - Peristiwa ini membuatkan tetamu kehormat dan para hadirin bertanya-tanya dan ingin tahu kejadian yang menimpa Hilmi dan perkara yang akan berlaku sama ada persembahan akan diteruskan atau tidak. |
| <p>(vi) <u>Kabus di Perbukitan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Peristiwa Rahayu mengigau menyebut nama Bukit Kutu dan Sungai Besar. - Peristiwa pertemuan semula Faridah dengan Azrul ketika membincangkan majlis perkahwinan anak mereka. | <ul style="list-style-type: none"> - Rahayu yang sudah tenat dapat mengagak lokasi Faridah yang gagal ditemui selepas Faridah terlibat dalam kemalangan jalan raya. - Peristiwa ini menarik kerana Azrul dan Faridah dapat mengimbas kisah lalu mereka selepas 25 tahun berpisah. |
| <p>(vii) <u>Kembara Amira</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Peristiwa pergaduhan antara Ludin dengan makhluk misteri yang berbulu. - Peristiwa Jennifer membongkarkan rahsia hidupnya. | <ul style="list-style-type: none"> - Ludin yang berjaya menanggalkan bulu pada makhluk tersebut telah menyebabkan semua pihak terkejut apabila mengetahui bahawa makhluk itu sebenarnya ialah Tau. - Tindakan Jennifer ini telah mendedahkan rahsia bahawa dia sebenarnya ialah Ipah, isteri Tau manakala Malique ialah Sabi, anak Tau dan abang kepada Itai. |

SKEMA BAHASA MELAYU KERTAS 2(SET 1) | 2012

| | |
|---|--|
| <p>(viii) <u>Sutera Dalam Lukisan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Peristiwa Bujei berjaya menyampaikan lagu “Bahtera Merdeka” dengan baik. - Peristiwa Adila menyampaikan hasratnya untuk menjadikan Bujei sebagai suami. | <ul style="list-style-type: none"> - Bujei dilihat sudah semakin pulih dan membuktikan kejayaan Adila yang telah berusaha untuk memulihkan Bujei. - Keputusan Adila ini telah mengejutkan banyak pihak kerana tidak menyangka Adila akan memilih Bujei sebagai suaminya. |
|---|--|

- (b) i) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari
- ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap
- iii) Beri 2 markah bagi setiap pernyataan dan huraian/contoh
- iv) Beri 1 markah bagi setiap pernyataan tanpa huraian
- v) Markah isi maksimum 6 markah
- vii) Markah bahasa maksimum 2 markah
- viii) Markah bahasa diberi secara *impression*
- Baik : 2 markah
- Lemah : 1 markah
- vii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa
- viii) Jika calon tidak menjawab 0 markah

[Maksimum : 8 markah]

- (b) **Satu latar masyarakat dalam dua buah novel yang dikaji:**

| Latar Masyarakat (1m) | Huraian (2m) |
|---|---|
| <p>(i) <u>Papa (akhirnya kau tewas jua!)</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Masyarakat yang mementingkan pendidikan dan gigih berusaha - Masyarakat bandar yang bekerja sebagai pendidik | <ul style="list-style-type: none"> - Intan Julia rajin mengulang kaji pelajaran hingga berjaya dengan cemerlang dalam peperiksaan SPM. - Jeffri dan Intan Maliana merupakan pasangan suami isteri yang tinggal di |

SKEMA BAHASA MELAYU KERTAS 2(SET 1) | 2012

| | |
|----------------------------------|---|
| | <p>Kelana Jaya. Jeffri seorang pensyarah ekonomi di kolej manakala Intan Maliana seorang guru di Sekolah Seri Gading.</p> <p>- Masyarakat yang sanggup berkorban demi kasih sayang terhadap keluarga.</p> |
| (ii) <u>Melunas Rindu</u> | <p>- Masyarakat yang mengamalkan cara hidup Islam.</p> <p>- Masyarakat yang terdiri daripada pelbagai bangsa..</p> <p>- Masyarakat yang terdiri daripada warga pendidik.</p> <p>- Fuad dan Pak Ismail sering sembahyang berjemaah di surau berdekatan rumah mereka.</p> <p>- Farhana berbangsa Melayu manakala Chin pula berbangsa Cina.</p> <p>- Fuad sendiri bekerja sebagai guru sandaran di Sekolah Menengah Seri Setia. Di sekolah tersebut, Fuad berkenalan rapat dengan Farhana di samping guru-guru lain seperti Cikgu Zamani, Cikgu Rosli, Cikgu Armin dan Cikgu Azli.</p> |
| (iii) <u>Azfa Hanani</u> | <p>- Masyarakat yang sanggup berkorban demi kebahagiaan keluarga angkat serta kelangsungan masa depannya.</p> <p>- Masyarakat elit yang bongkak dan sompong kerana statusnya.</p> <p>- Azfa Hanani sanggup memenuhi tawaran Abang Mazran bagi membantu sepupunya, Zuraini yang lumpuh mendapatkan rawatan.</p> <p>- Tengku Datuk Makmur yang memandang hina terhadap Azfa Hanani kerana berasal dari kampung dan miskin.</p> |

SKEMA BAHASA MELAYU KERTAS 2(SET 1) | 2012

| | |
|---|---|
| <ul style="list-style-type: none"> - Masyarakat pelajar yang gigih menuntut ilmu. | <ul style="list-style-type: none"> - Pelajar di Sekolah Menengah Sri Dian tempat Azfa Hanani melanjutkan pelajarannya dalam Tingkatan Lima Kenanga gigih belajar untuk berjaya. |
| <p>(iv) <u>Renyah</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Masyarakat usahawan yang gigih berusaha. - Masyarakat yang bertugas sebagai pendidik . - Masyarakat yang menyelewengkan agama demi kepentingan diri. - Masyarakat yang menghargai alam sekitar. | <ul style="list-style-type: none"> - Datuk Dolhi dan Albert Lee merupakan usahawan yang berjaya dan kaya. - Amera bekerja sebagai guru dan menerima anugerah guru negeri terbaik. - Mukhlis, Tok Guru dan Hanisah terikut – Ikut dengan kesesatan ajaran agama. - Ilham mencatat sesuatu maklumat penulisanya tentang alam sekitar. |
| <p>(v) <u>Konserto Terakhir</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Masyarakat bandar yang memandang status dan pangkat. - Masyarakat yang meminati bidang muzik dan menjadikan muzik sebagai kerjaya. | <ul style="list-style-type: none"> - Datin Salmah memandang hina terhadap Hilmi yang datang dari kampung dan berpendidikan setakat darjah empat sekolah Melayu. - Hilmi amat meminati muzik dan berusaha untuk belajar muzik dengan Pak Bakar untuk mencapai cita-citanya. |
| <p>(vi) <u>Kabus di Perbukitan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Masyarakat pelajar universiti. - Masyakat yang cinta akan alam sekitar. | <ul style="list-style-type: none"> - Azrul dan Rahayu merupakan penuntut Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia. - Azrul dan teman-temannya banyak |

SKEMA BAHASA MELAYU KERTAS 2(SET 1) | 2012

| | |
|---|---|
| | <p>mengadakan program pendedahan tentang alam sekitar kepada pelajar-pelajar.</p> <p>- Faridah, dan Mastura yang bertugas di PDK Suria menganggap berkhidmat kepada kanak-kanak istimewa ialah satu ibadah.</p> |
| (vii) <u>Kembara Amira</u> | <ul style="list-style-type: none"> - Masyarakat yang cinta akan alam sekitar. - Masyarakat yang mengamalkan budi bahasa dalam kehidupan. - Masyarakat yang prihatin. <ul style="list-style-type: none"> - Malique sanggup mencipta virus sendiri dalam laporan yang disiapkan semata-mata untuk menggagalkan projek mencari emas O'hara yang boleh memusnahkan hutan tersebut. - Semasa melawat Amira di Desa Karpus, sikap Malique yang beradab telah menambat hati Prof. Zaidah. - Pada setiap malam, Tau sanggup berada di Desa Karpus untuk menjaga keselamatan pelajar-pelajar Prof Zaidah tanpa pengetahuan mereka. |
| (viii) <u>Sutera Dalam Lukisan</u> | <ul style="list-style-type: none"> - Masyarakat kampung yang memandang rendah kepada orang yang kurang bernasib baik. - Masyarakat kampung yang mempunyai nilai kemanusiaan. - Masyarakat yang suka mengambil kesempatan atas kesenangan orang lain. <ul style="list-style-type: none"> - Kebanyakan orang kampung mengatakan mengatakan Bujei bodoh dan dungu. - Sidang Saman begitu mengambil berat tentang Bujei dengan membawa Bujei balik ke rumahnya setelah dipukul oleh Harun. - Baru sahaja beberapa bulan berkahwin, Harun sudah memujuk Fatimah untuk |

SKEMA BAHASA MELAYU KERTAS 2(SET 1) | 2012

| | |
|--|-----------------|
| | membeli kereta. |
|--|-----------------|